

'Muhyiddin tak patut buat cerita bukan-bukan'



WAN ROSDY

BENTONG - Dakwaan Perikatan Nasional (PN) yang mahu menukar Kerajaan Negeri Pahang sekiranya menang pada pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelangai adalah fitnah dan cubaan mengelirukan rakyat.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin dilihat cuba bermain sentimen tidak sepatutnya

dilakukan oleh seorang pemimpin.

“Ini adalah fitnah yang mereka keluarkan untuk mengelirukan rakyat, takut-takutkan rakyat konon akan berlaku perubahan kerajaan.

“Sepatutnya sebagai ahli politik, kita bercakap soal pengharapan, soal kesejahteraan kepada rakyat.

“Bukan dengan cara buat cerita bukan-bukan,” katanya selepas menghadiri Program Sembang

Santai Veteran di Kampung Bukit Gajah di sini pada Rabu.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Muhyiddin yang tidak menolak untuk mengintai peluang menubuhkan kerajaan selepas PRK Pelangai susulan desas-desus terdapat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kerajaan yang akan lompat parti jika calon PN menang di Pelangai.

Ia berikutan Pahang adalah

antara negeri yang masih belum melaksanakan Rang Undang-undang (RUU) anti lompat parti walaupun ia sudah berkuat kuasa di peringkat Persekutuan pada 5 Oktober 2022.

Mengulas perkara itu, Wan Rosdy berkata, RUU anti lompat parti di Pahang tidak dapat dilaksanakan ketika ini kerana tidak memperoleh sokongan dua pertiga.